



PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 3 TAHUN 2021

**PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR ORGANISASI DAN TADBIR URUS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

LATAR BELAKANG

2. UMT telah melaksanakan penjajaran struktur organisasi berkuat kuasa 1 Ogos 2019. Pada dasarnya, penjajaran struktur ini dilaksanakan untuk menyokong pelaksanaan Pelan Strategik UMT dengan visi menjadi sebuah universiti berfokus maritim terunggul dalam negara dan disegani global.
3. Sebagai sebuah universiti yang dinamik dan berdaya saing, UMT perlu memastikan struktur organisasi dan fungsinya yang menjadi asas kepada tadbir urus yang cemerlang sentiasa dikemas kini dan relevan dengan keperluan semasa dan akan datang.

PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR ORGANISASI DAN TADBIR URUS

4. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti dalam mesyuaratnya Kali Ke-247 (Bil.21/2021), Kali Ke-249 (Bil.23/2021) dan Kali Ke-250 (Bil.24/2021) telah bersetuju dengan penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus UMT seperti berikut:

4.1 Hierarki Pusat Tanggungjawab

a) Pusat Tanggungjawab (PTj) dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu:

i. PTj Tier 1

Definisi	:	Entiti yang diwujudkan di bawah portfolio utama Universiti
Nama PTj	:	Canselori/ Fakulti/ Institut/ Pusat/ Kolej Kediaman/ Pejabat/ Perpustakaan/ Penerbit
Gelaran jawatan	:	Pengarah/ Dekan/ Timbalan Pendaftar (selain Pegawai Utama)
Jumlah PTj	:	35 (Senarai seperti di Lampiran 1)

ii. PTj Tier 2

Definisi	:	Entiti yang ditubuhkan di bawah PTj Tier 1
Nama PTj	:	Pusat/ Jabatan
Gelaran jawatan	:	Ketua Pusat/ Timbalan Pendaftar (selain Pegawai Utama)
Jumlah PTj	:	9 (Senarai seperti di Lampiran 1)

b) Selaras dengan hierarki tersebut, PTj-PTj berikut telah dinamakan semula seperti berikut:

Bil	Nama Asal	Nama Baharu
1.	Jabatan Hal Ehwal Pelajar	Pejabat Hal Ehwal Pelajar
2.	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	Pejabat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
3.	Pusat Pengurusan Akademik dan Kualiti	Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik

c) Carta organisasi UMT terkini mengikut hierarki PTj adalah seperti di **Lampiran 2**.

4.2 Pegawai Kanan UMT

Pegawai Kanan UMT adalah terdiri daripada Ketua PTj Tier 1 sahaja (rujuk senarai PTJ Tier 1 pada Lampiran 1).

4.3 **Pemantapan Struktur di Bawah Portfolio Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)**

Pembubaran Pusat Pembangunan Holistik dan Kokurikulum (PPHK) dan pembentukan semula Pusat Pembangunan Holistik dan Kaunseling Pelajar, Pusat Sukan dan Rekreasi serta Pusat Kebudayaan dan Kesenian. Pusat-pusat ini merupakan PTj Tier 2 yang diwujudkan di bawah Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan diketuai oleh Ketua Pusat.

4.4 **Penubuhan Semula Pusat Pengurusan Siswazah (PPS)**

Penubuhan semula PPS sebagai PTj Tier 1 di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bertujuan untuk memperkasakan fungsi pengurusan pengajian pascasiswazah dan meningkatkan keterlihatan pengajian pascasiswazah serta membolehkan halatuju pengajian pascasiswazah dirancang dan dilaksanakan dengan lebih berstrategik.

4.5 **Penubuhan Pusat Pengurusan dan Penjaminan Kualiti (PPPK)**

Penubuhan PPPK sebagai PTj Tier 1 di bawah portfolio Naib Canselor bertujuan untuk memperkasakan fungsi pengurusan kualiti pengurusan dan akademik di UMT.

TARIKH KUAT KUASA

5. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada 1 Oktober 2021.
6. Sehubungan itu, seluruh warga UMT dimohon untuk mengambil maklum mengenai penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus UMT tersebut.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZUKIFEREE BIN IBRAHIM)

Pendaftar

Universiti Malaysia Terengganu

HIERARKI ORGANISASI

Definisi

PTj Tier 1: Entiti yang diwujudkan di bawah portfolio utama Universiti (35 PTj)

PTj Tier 2: Entiti yang ditubuhkan di bawah PTj Tier 1 (9 PTj)

Bil	PTj Tier 1	Bil	PTj Tier 2
CANSELORI			
1.	Canselori <i>Chancellery</i>		
2.	Pusat Islam Sultan Mahmud (PISM) <i>Sultan Mahmud Islamic Centre</i>		
3.	Pusat Pengurusan dan Penjaminan Kualiti (PPPK) <i>Centre for Quality Management and Assurance</i>		
PORTFOLIO AKADEMIK DAN ANTARABANGSA			
4.	Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) <i>Faculty of Business, Economics and Social Development</i>		
5.	Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM) <i>Faculty of Fisheries and Food Sciences</i>		
6.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik (FTKKI) <i>Faculty of Ocean Engineering Technology and Informatics</i>		
7.	Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM) <i>Faculty of Science and Marine Environment</i>		
8.	Fakulti Pengajian Maritim (FPM) <i>Faculty of Maritime Studies</i>		
9.	Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) <i>Centre for Fundamental and Continuing Education</i>	1.	Pusat Pembelajaran Bahasa Inggeris (ELC) <i>English Language Learning Centre</i>
10.	Pusat Asasi STEM (PASTEM) <i>STEM Foundation Centre</i>		
11.	Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik (PPPA) <i>Centre for Academic Development and Management</i>		
12.	Pusat Antarabangsa (IC) <i>International Centre</i>		
13.	Pusat Pengurusan Siswazah (PPS) <i>Postgraduate Management Centre</i>		
PORTFOLIO PENYELIDIKAN DAN INOVASI			
14.	Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) <i>Institute of Oceanography and Environment</i>	2.	Pusat Tadbir Urus Lautan (COG) <i>Centre for Ocean Governance</i>
15.	Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP) <i>Institute of Tropical Aquaculture and Fisheries</i>		
16.	Institut Bioteknologi Marin (IMB) <i>Institute of Marine Biotechnology</i>		

17.	Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari (BIO-D TROPIKA) <i>Institute of Tropical Biodiversity and Sustainable Development</i>		
18.	Pejabat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) <i>Office of Research and Innovation Management</i>	3.	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi (PKPI) <i>Centre for Research and Innovation Excellence</i>
19.	Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan (PPPL) <i>Centre for Research and Field Services</i>		
20.	Penerbit UMT (Penerbit) <i>UMT Publisher</i>		
PORTFOLIO HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI			
21.	Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) <i>Office of Student Affairs</i>	4.	Pusat Pembangunan Holistik dan Kaunseling Pelajar (PPHKP) <i>Centre for Holistic Development and Student Counselling</i>
		5.	Pusat Sukan dan Rekreasi (PSR) <i>Sports and Recreation Centre</i>
		6.	Pusat Kebudayaan dan Kesenian (PBS) <i>Culture and Arts Centre</i>
22.	Pusat Alumni (ALUMNI) <i>Alumni Centre</i>		
23.	Pusat Keusahawanan dan Kerjaya (CEC) <i>Centre for Career and Entrepreneurship</i>		
24.	Pusat Latihan Pelayaran (LAYAR) <i>Sailing Training Centre</i>		
25.	Kolej Kediaman (KK) <i>Residential College</i>		
PORTFOLIO HAL EHWAL KORPORAT DAN JARINGAN INDUSTRI			
26.	Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR) <i>Centre for Transformation, Strategic and Risk Management</i>		
27.	Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri (PPIJI) <i>Centre for Knowledge Transfer and Industrial Linkages</i>		
28.	Pejabat Komunikasi Korporat (PKK) <i>Office of Corporate Communications</i>	7.	Pusat Komunikasi Strategik (PKS) <i>Centre for Strategic Communications</i>
PORTFOLIO PENGURUSAN			
29.	Pejabat Pendaftar (PEND) <i>Office of the Registrar</i>	8.	Jabatan Governan dan Pengurusan Perkhidmatan (JGPP) <i>Governance and Service Management Department</i>
		9.	Jabatan Sumber Manusia (JSM) <i>Human Resource Department</i>
30.	Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi (PPBI) <i>Centre for Talent Development and Innovation</i>		
31.	Pusat Kesihatan Universiti (PKU) <i>University Health Centre</i>		

PORTFOLIO KEWANGAN		
32.	Pejabat Bendahari (BEND) <i>Bursary</i>	
PORTFOLIO PENGURUSAN ILMU		
33.	Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) <i>Sultanah Nur Zahirah Library</i>	
PORTFOLIO EKOSISTEM DIGITAL		
34.	Pusat Ekosistem Digital (PED) <i>Centre for Digital Ecosystem</i>	
PORTFOLIO PEMBANGUNAN DAN HARTA		
35.	Pejabat Pembangunan dan Harta (PPH) <i>Office of Development and Assets</i>	

Lampiran 2

CARTA ORGANISASI – UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
 Tarikh Kuat kuasa : 1 Oktober 2021

